



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA
MAJLIS PEMBUKAAN TAHUN PERUNDANGAN 2026**

Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2026 merupakan program tahunan Badan Kehakiman Malaysia sebagai simbolik pembukaan tahun perundangan dan kehakiman di Malaysia. Majlis ini telah berlangsung pada 12 Januari 2026 (Isnin) bertempat di Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC) dan dihadiri oleh 646 tetamu dari dalam dan luar negara.

Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2026 telah dihadiri oleh anggota Badan Kehakiman Malaysia yang terdiri daripada YAA Datuk Seri Utama Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh, Ketua Hakim Negara, YAA Dato' Abu Bakar bin Jais, Presiden Mahkamah Rayuan, YAA Dato' Hashim bin Hamzah, Hakim Besar Malaya, YAA Datuk Hajjah Azizah binti Haji Nawawi, Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Kehakiman.

Turut hadir adalah YABhg. Tun Zaki Tun Azmi, mantan Ketua Hakim Negara, YABhg. Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, mantan Ketua Hakim Negara, YB Senator Dato' Awang Bemee bin Awang Ali Basah, Yang Di-Pertua Dewan Negara, YB Tan Sri Dato' Johari bin Abdul, Yang Di-Pertua Dewan Rakyat dan YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Majlis ini turut dihadiri oleh Peguam Besar Negeri Sabah, Peguam Besar Negeri Sarawak, Presiden Badan Peguam Malaysia, Presiden Pertubuhan Undang-Undang Sabah, Presiden Persatuan Peguam Bela Sarawak, pegawai-pegawai kanan Kerajaan,

pegawai-pegawai kehakiman dan perundangan, peguam-peguam serta ahli-ahli akademik dari universiti-universiti tempatan.

Antara tetamu asing yang menghadiri Majlis adalah *The President of The Constitutional Court of The Republic of Türkiye, President of The Court of Cassation of The Republic of Türkiye, Vice-President of The Supreme Court of the Kingdom of Cambodia, Deputy Chief Justice For Non-Judicial Matters Supreme Court of The Republic of Indonesia, Vice President of The People's Supreme Court of The Lao People's Democratic Republic*, Pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta asing ke Malaysia.

Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2026 telah dimulakan dengan ucapan YBhg. Dato' Mohamad Ezri bin Abdul Wahab, Presiden Badan Peguam Malaysia, diikuti dengan ucapan oleh YBhg. Tan Sri Mohd Dusuki bin Mokhtar, Peguam Negara serta diakhiri dengan ucapan oleh YAA Ketua Hakim Negara, masing-masing menyatakan aspirasi kehakiman dan perundangan bagi tahun 2026 dalam memperkasakan pentadbiran keadilan di Malaysia.

Disediakan oleh:

**Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA**

Tarikh: 12 Januari 2026